

Penilaian kumpulan TNB boleh meningkat RM77b

Utusan (Ekonomi) 2/11/2020 M/s 34

KUALA LUMPUR: Cadangan untuk mengasingkan penyertaan unit jana tenaga oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) berpotensi meningkatkan penilaian kumpulan TNB secara keseluruhannya kepada RM77 bilion.

Penganalisis di MIDF Research, Hafriz Hezry berkata, mereka menjangkakan nilai tersebut kira-kira 21 peratus lebih tinggi berbanding nilai pasaran semasa TNB.

"Pemisahan penilaian TNB -

pasaran semasa sebanyak RM64 bilion, pelabur sebenarnya memperoleh perniagaan jana tenaga itu dengan 'percuma' memandangkan unit T&D dan runcit sahaja sudah berpotensi mencapai penilaian RM68 bilion berdasarkan pecahan untuk bersih tahun kewangan 2019," katanya dalam nota kajian malam.

TNB dalam maklumannya kepada Bursa Malaysia bagaimanapun menafikan ia akan menye-

naraikan unit jana tenaganya. Menurut syarikat itu, proses pengorganisasian semula TNB Power Generation Sdn. Bhd. telah selesai pada 1 Oktober lalu dan mereka tidak mengisihakan apa-apa penyelarasan ketika ini, sebaliknya sedang menumpukan usaha menggerakkan keberkesanan operasi untuk anak syarikatnya itu.

Semalam, *Utusan Malaysia* memetik laporan Bloomberg yang menyatakan, TNB sedang

mempertimbang untuk menyelaraskan perniagaan unit jana tenaganya dalam Bursa Malaysia tahun hadapan susulan penyusunan semula korporat.

Menurut laporan itu yang memetik sumber, syarikat tenaga berkenaan sedang bekerjasama rapat dengan penasihat mengenai pelan penstrukturan semula dan menasaskan untuk menyelesaikan proses tersebut menjelang separuh pertama tahun hadapan.



dengan menilai unit jana tenaga serta penghantaran dan pengagihan elektrik (T&D) pada paras purata pesaing - memberi potensi penilaian sebanyak RM77 bilion (RM13.60 per saham).

"Malah, pada permodalan